

UMSKAL sedia bekerjasama dengan LHDN Labuan

UB 29.3.2018 A7

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sedia menjalinkan kerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan.

Timbalan Pengarah UMSKAL Profesor Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata pihaknya sentiasa mengalu-alukan jalinan kerjasama dengan LHDN Labuan yang membabitkan kakitangan dan mahasiswa universiti itu.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata pelbagai bidang dapat diadakan terutama yang membabitkan peranan kedua-dua

organisasi itu.

“UMSKAL dan LHDN Labuan bersedia menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang yang membabitkan peranan kedua-dua organisasi untuk manfaat warga universiti khususnya mahasiswa dan kakitangan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis kunjungan hormat Pengarah LHDN Cawangan Labuan Mohd Shahriz Ramli di sini pada Selasa.

Turut hadir, Penolong Bendahari Kanan Mohd Nazir Ab Manan dan Penolong Pendaftar Sektor Pentadbiran Earlene Kasamira Vashti Edham.

Sementara itu, Shahriz berkata

kunjungan ke UMS Labuan merupakan yang pertama dilakukan LHDN terhadap jabatan dan agensi kerajaan di wilayah ini.

“Selain untuk menerangkan peranan LHDN, kami berharap menerusi program seperti itu dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan kakitangan,” katanya.

Geoffrey berkata dengan adanya kemudahan di UMS Labuan, LHDN Cawangan Labuan boleh mengadakan pelbagai program seperti seminar, ceramah dan aktiviti sukan termasuk sukan pantai dan laut.



GEOFFREY (kiri) menerima cenderamata daripada Shahriz di UMSKAL.